



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

23,000 PESERTA SELURUH NEGARA SERTAI KARNIVAL LIGA SUKAN UNITI 2024

BANGI, 26 Oktober 2024 – Karnival Liga Sukan Uniti Peringkat Kebangsaan 2024 mendapat sambutan memberangsangkan dengan penyertaan hampir 23,000 orang peserta daripada 2,300 pasukan di seluruh negara. Majlis Perasmian Karnival Liga Sukan Uniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Uptown Sports Bangi, Selangor hari ini.

Sebanyak tiga (3) jenis sukan dipertandingkan selama dua (2) hari karnival ini berlangsung iaitu Bola Jaring, Badminton dan Futsal Selain itu, buat **julung kalinya pada tahun ini, penyertaan Liga Sukan Uniti diperluaskan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang ucapannya berkata, “Sukan adalah antara unsur yang dilihat sebagai medium **penyatuan pelbagai etnik yang paling berkesan di Malaysia** kerana rakyat Malaysia secara umumnya amat sinonim dengan semangat kesukanan yang tinggi dalam masyarakat. Tambah beliau lagi, Liga Sukan UNITI juga mewujudkan **satu platform bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat daripada pelbagai latar belakang kaum, bangsa dan agama**”.

Keunikan Karnival Liga Sukan Uniti ialah kejohanan ini menetapkan syarat penyertaan pasukan daripada kaum yang berbeza bagi membolehkan setiap pemain dapat bergaul antara kaum seterusnya dapat memahami, menghormati dan menerima setiap perbezaan yang wujud.

Pelbagai pengisian menarik turut diadakan sempena karnival ini seperti Pameran Rumah Kami (dikenali Rumah Etnik), *FoodUnites* dan Pertandingan Sukan Tradisional serta persembahan istimewa daripada artis-artis terkenal tanah air.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Oktober 2024